

## ATO MAN → BENCANA

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

**MISI BANTUAN KE ACEH**

# Serah bantuan air bersih, tenaga solar

BERITA HARIAN (BENCANA) 5 MEI 2016 M/S II

• Pelajar UMP bantu anak yatim mangsa tsunami

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bh.com.my

■ Bandar Aceh

**K**esukaran penghuni Pesantren Dayah Nurul Huda untuk menikmati kemudahan air lebih bersih dan ke mudahan elektrik berakhir menerusi Misi Kemanusiaan Ke Aceh anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sebahagian besar penghuni pesantren itu adalah anak yatim le-

laki dan perempuan berusia antara tujuh tahun hingga 20 tahun yang kehilangan ahli keluarga yang terkorban dalam kejadian tsunami pada Disember 2004.

Program dikendalikan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) dan Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH) itu turut membebaskan kerja mengelak rumah dan sesi penerangan kepada penghuni dalam menghadapi kecemasan.

### Berkongsi kepakaran

Penasihat MATAHARI, Datin Fazia Ali, berkata pihaknya menyediakan alat penapis bekalan air bersih dan lampu berkuasa solar bagi kemudahan penghuni rumah kebajikan itu, sejajar dengan pelan strategik UMP 2016-2020 bertemakan memasyarakatkan teknologi iaitu berkongsi kepakaran dengan masyarakat demi manfaat bersama.

"Kita turut bekerjasama dengan beberapa universiti di sini seperti UNSYIAH dan Universiti Teuku Umar yang menyatakan keprighthitan kepada mereka yang serba kekurangan kerana berada di kawasan pedalaman."

"Beberapa program dilaksanakan berteraskan modul pendidikan, modul sosial dan modul ke rohaniah, kita turut mengadakan kelas mengajar bahasa Inggeris dan kenduri bersama penduduk kampung," katanya selepas majlis gotong-royong di Pesantren Dayah Nurul Huda di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden MATAHARI, Prof Datuk Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Pengetua Pesantren Dayah Nurul Huda, Tgk Darman M Daud.

Selain bantuan alat penapis air dan lampu berkuasa solar, UMP turut memberikan bantuan wang tunai serta barang keperluan persekolahan dianggarkan keseluruhannya bernilai RM10,000.



Fazia (kiri) menunjukkan cara menggunakan alat penapis bekalan air bersih kepada penghuni Rumah Kebajikan Dayah Nurul Huda di Bandar Aceh, semalam.